

# Sokongan orang Melayu kepada PH meningkat

Kerajaan Perpaduan peroleh dua pertiga undi pada PRU15

Oleh Ahmad Suhael Adnan dan Noor Atiqah Sulaiman  
bhnews@bh.com.my

**Petaling Jaya:** Analisis pasukan data saintis yang diwujudkan Pakatan Harapan (PH), mendapati kira-kira 31 peratus daripada lebih 5.8 juta undi yang diterima gabungan itu pada Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU15) adalah daripada orang Melayu.

Selain itu, analisis pasukan terbabit juga mendapati, gabungan undi yang diperoleh semua parti dalam Kerajaan Perpaduan bersamaan dua pertiga daripada lebih 15 juta undi yang direkodkan pada PRU15.

Pengerusi PH, Datuk Seri Anwar Ibrahim, menegaskan dapatan itu secara langsung menafikan tuduhan mengatakan gabungan itu ditolak masyarakat Melayu, selain dakwaan mengatakan PH hanya mendapat 19 peratus undi Melayu.

“Bila kita buat satu pasukan data saintis yang membuat analisa, kita dapat lihat dalam data awal bahawa sebenarnya tidak benar (dakwaan) yang diuar-uarkan kononnya PH mendapat 19 peratus sokongan Melayu.

“Kalau 19 peratus sokongan



Perdana Menteri pada sidang media selepas mesyuarat Majlis Pimpinan Pusat PKR di Petaling Jaya, semalam.

(Foto Saifullizan Tamadi/BH)

Melayu, tidak mungkin kita dapat mencatat jumlah kerusi seperti mana yang dicatat dalam PRU15.

“Secara keseluruhannya, undi yang diperoleh PH ialah 31 peratus pengundi Melayu. Ada yang rendah seperti di Kelantan dan Terengganu, namun ada yang mencecah lebih 50 peratus dengan tertinggi di Wilayah Persekutuan, diikuti Selangor, Pulau Pinang, Penang, dan Negeri Sembilan,” katanya selepas mesyuarat Majlis Pimpinan Pusat (MPP) PKR, di sini, semalam.

Mengulas lanjut, Perdana Menteri menyifatkan jumlah dua pertiga undi yang diperoleh semua parti dalam Kerajaan Perpaduan membuktikan kekuatan dan kestabilan pentadbirannya.

#### Sokongan padu pengundi

“Kalau dikumpul kekuatan kerajaan perpaduan sekarang ini membabitkan komponen PH, Barisan Nasional (BN), Gabungan Parti Sarawak (GPS) dan Gabungan Rakyat Sabah (GRS) serta beberapa parti lain yang

bersama, itu sudah mencecah dua pertiga daripada keseluruhan undi dalam PRU15.

“Kalau itu keadaannya, maka dengan dua pertiga Ahli Parlimen yang mewakili dua pertiga pengundi dalam PRU15, kita yakin dapat terus mengemudi negara ini sebagai satu pasukan yang mantap.

“Kita akan menggunakan ruang yang ada untuk membersihkan negara daripada budaya rasuah dan memacu pertumbuhan ekonomi dengan lebih meyakinkan,” katanya.